

**Muhyiddin sahkan Malaysia pernah dijajah British**  
**The Malaysian Insider**  
**05 Oktober , 2011**

KUALA LUMPUR, 5 Okt — Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mengakui bahawa Malaysia pernah dijajah — bertentangan dengan penegasan beberapa profesor bulan lalu bahawa negara hanya menjadi naungan British.

Muhyiddin yang juga Menteri Pelajaran menyatakan pendirian tersebut sekali gus menafikan pandangan Majlis Profesor Negara bahawa Malaysia tidak pernah dijajah.

“Sama ada negara kita dijajah atau tidak, jawapannya, ya.

“Saya mengambil pendirian begitu walaupun ada beberapa pihak yang memberikan pandangan bahawa kita tidak dijajah,” kata beliau di Dewan Rakyat hari ini.

Tambah beliau, “kalau kita kaji sejarah, kita tahu bahawa kita sambut kemerdekaan setiap tahun, takkanlah sia-sia... tapi kerana kita tahu kita dijajah. (Selama) 54 tahun kita menyambut perayaan ini mestilah ada signifikannya.”

Jelas Muhyiddin (gambar), penasihat British pada waktu itu sebenarnya memberikan nasihat kepada Raja-raja Melayu, dalam konteks itu, nasihat yang diberi harus diikuti.

“Ia tidak bebas dan terpaksa mengikut apa yang dinasihat,” jelas beliau ketika menjawab soalan tambahan Azmin Ali (PKR-Gombak) pada sesi soal jawab lisan hari ini.

Azmin dalam soalnya meminta Muhyidin menyatakan pendirian kerajaan berhubung isu yang didakwa menimbulkan kekeliruan rakyat khususnya pelajar sekolah.

“Masyarakat hari ini keliru, anak-anak di sekolah diajar Malaysia merdeka pada 31 Ogos, (tapi) ada tokoh sejarah kata Malaysia tidak pernah dijajah,” kata Azmin.

Tambah beliau, para pelajar akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bulan depan dan jika soalan ini dilontarkan, maka mereka akan celaru.

“Maka sekiranya anak-anak ini gagal maka tanggungjawab Umno untuk memberikan penjelasan,” katanya yang juga Timbalan Presiden PKR.

The Malaysian Insider  
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider  
Source: [http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/muhyiddin-sahkan-malaysia-pe-  
rnah-dijajah-british/](http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/muhyiddin-sahkan-malaysia-pe-<br/>rnah-dijajah-british/)